



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN 2023: MENTRANSFORMASI PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyambut baik dan menyokong Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bertemakan ‘Membangun Malaysia MADANI’. Belanjawan 2023 berjumlah **RM388.1 bilion** ini menunjukkan komitmen tinggi Kerajaan dalam menyokong usaha KPT untuk melaksanakan transformasi pendidikan tinggi melalui pengukuhan ekosistem pendidikan tinggi.

KPT juga menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan terhadap agenda pendidikan tinggi negara melalui peruntukan keseluruhan sebanyak **RM15.3 bilion**, iaitu **RM11.7 bilion** bagi Perbelanjaan Mengurus dan **RM3.6 bilion** bagi Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan ini meningkat sebanyak **5.7 peratus** berbanding tahun 2022.

Perbelanjaan Pembangunan KPT telah menunjukkan peningkatan sebanyak **22.9% (RM671 juta)**. Justeru, fokus KPT bagi tahun 2023 adalah untuk menambahbaik fasiliti Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi memastikan infrastruktur, bangunan dan peralatan di IPTA berada dalam keadaan yang kondusif, selamat serta berfungsi dengan efisyen untuk meningkatkan kualiti pendidikan tinggi negara. Sebanyak **RM436 juta** dikhurasukan bagi membaik pulih infrastruktur dan menggantikan peralatan usang yang tidak lagi ekonomik di IPTA.

Dalam mentransformasi pendidikan tinggi melalui teknologi alaf baru, KPT juga akan memberi tumpuan terhadap agenda pendigitalan dalam aspek pengurusan, pendidikan, pembelajaran dan perkhidmatan, untuk manfaat para penyelidik, ahli akademik dan pelajar-pelajar di IPT. Dana sebanyak **RM35 juta** akan digunakan untuk meningkatkan kesalinghubungan internet di IPTA di bawah program Malaysian Research & Education Network (MYREN).

Usaha pendigitalan ini diharapkan akan dapat memperluas akses pembelajaran berkualiti yang inovatif, fleksibel dan bertaraf global kepada semua pemegang taruh tanpa mengira lokasi.

KPT juga akan memperkasa agenda penyelidikan dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat ilmu yang unggul melalui peruntukan R&D sebanyak **RM428 juta** yang diperuntukkan kepada KPT dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Dengan peruntukan tambahan sebanyak **RM50 juta** untuk melaksanakan penyelidikan translasional, KPT akan menterjemahkan penyelidikan translasional kepada penghasilan nyata untuk manfaat kerajaan, komuniti, industri dan akademia.

Di samping itu juga, inisiatif-inisiatif Belanjawan 2023 yang akan menjadi tumpuan KPT adalah seperti berikut:

1. Diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN selama tiga (3) bulan bermula 1 Mac 2023 sehingga 20 peratus;
2. Permohonan penangguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh enam (6) bulan boleh dibuat mulai 1 Mac 2023;
3. Menyokong Kredit e-Tunai Belia Rahmah berjumlah RM200 seorang bagi belia 18 hingga 20 tahun di bawah KPT;

4. Kerjasama dengan Syarikat GLC peneraju untuk mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya operasi institusi TVET seperti kolej komuniti bagi menyediakan program latihan yang memenuhi keperluan mereka;
5. Mengeratkan kerjasama dengan industri melalui pengukuhan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan peruntukan berjumlah RM50 juta untuk manfaat lebih 8,000 pelatih; dan
6. Menawarkan kepakaran dan perkhidmatan Hospital Pengajar Universiti bagi membantu isu kesesakan kemudahan kesihatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seiring dengan tema Membangun Malaysia MADANI, KPT komited dalam usaha membantu Kerajaan mencapai hasrat Belanjawan 2023 melalui pelaksanaan inisiatif dan program yang memberi manfaat kepada pemegang taruh KPT khususnya, serta komuniti dan masyarakat secara amnya.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
24 FEBRUARI 2023**